



Small Medium Enterprise Development  
Bank Malaysia Berhad 49572-H

## Kredit Pusingan-i

Tarikh: \_\_\_\_\_  
(untuk diisi oleh Pengurusan Perhubungan)

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Kredit Pusingan-i. Pastikan juga anda membaca terma yang terkandung di dalam Surat Tawaran. Sila dapatkan keterangan lanjut dari SME Bank sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma-terma am)

### 1. Apakah yang perlu diketahui tentang produk ini?

#### Kredit Pusingan-i

Kredit Pusingan-i adalah kemudahan pembiayaan jangka pendek berlandaskan Syariah yang menyediakan dana kepada syarikat untuk keperluan modal kerja atau pembinaan untuk menyokong operasi harian syarikat.

### 2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

#### Komoditi Murabahah melalui Tawarruq

Komoditi Murabahah adalah Murabahah (kos-tambah-keuntungan) melalui aturan Tawarruq. Tawarruq terdiri daripada dua kontrak jualan dan belian. Yang pertama melibatkan penjualan komoditi tertentu (seperti minyak sawit mentah) oleh Bank kepada Pelanggan secara tertangguh pada harga kos-tambah-keuntungan dalam tempoh masa yang dipersetujui. Seterusnya, Pelanggan akan menjual komoditi yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan langsung.

#### Wakalah

Wakalah merujuk kepada kontrak di mana Pelanggan, sebagai prinsipal (Muwakkil) memberi kuasa kepada Bank sebagai agen (Wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa dikenakan bayaran.

Di dalam aturan Tawarruq, Bank bertindak sebagai agen untuk membeli komoditi tertentu yang patuh Syariah (seperti minyak sawit mentah) dari dirinya sendiri bagi pihak Pelanggan, dan seterusnya bertindak sebagai agen untuk menjual komoditi yang sama bagi pihak Pelanggan kepada pihak ketiga (seperti Bursa Suq Al-Sila) untuk perkhidmatan perdagangan komoditi.

### 3. Apakah yang saya perolehi dari produk ini?

Jumlah Pembiayaan	:	Jumlah pembiayaan minimum bermula dari RM100,000 dan jumlah pembiayaan maksimum adalah bergantung kepada kelayakan pelanggan.
Margin Pembiayaan	:	Sehingga 100% (sehingga defisit tertinggi dalam unjuran aliran tunai atau kitaran penukaran purata).
Tempoh	:	Sehingga 5 tahun (tertakluk kepada semakan tahunan).
Kadar Keuntungan	:	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mekanisma kadar keuntungan adalah berdasarkan:           <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kadar tetap; atau</li> <li>ii. Kadar boleh ubah (yang akan menjadi tetap pada setiap pengeluaran/ penggunaan sepanjang tempoh pembiayaan).</li> </ul> </li> <li>▪ Untuk kadar boleh ubah, kadar keuntungan akan ditetapkan pada BFR + Spread dan ianya tidak boleh melebihi Kadar Keuntungan Siling ("CPR"), yang ditetapkan pada kadar BFR + 4.0%.</li> </ul> <p>Nota:</p> <p>BFR ("Kadar Pembiayaan Asas") semasa adalah 7.0% dan boleh berubah dari semasa ke semasa.</p>

### 4. Apakah tanggungjawab saya?

- Untuk membuat pembayaran sekaligus ke atas prinsipal dan keuntungan bagi setiap pengeluaran/ penggunaan mengikut tempoh pembayaran yang telah diluluskan.
- Anda perlu menjelaskan sepenuhnya jumlah pembiayaan apabila tamat tempoh setiap kontrak.

#### Ilustrasi pembayaran sekaligus kemudahan Kredit-i Pusingan:

##### Kadar Tetap

Jumlah/ Had Kemudahan : RM1,000,000.00

Tempoh	: 5 tahun, tertakluk kepada semakan tahunan
Kadar Keuntungan	: 5.0% tetap setahun (tertakluk kepada syarat dana)
Harga Jualan Bank	: RM1,250,000.00
Tempoh Pembayaran	: Sehingga 90 hari

Pembayaran sekaligus ke atas prinsipal dan keuntungan yang perlu dibayar dikira secara harian berdasarkan kadar keuntungan tetap, jumlah kemudahan yang digunakan dan tempoh pembayaran.

- Jumlah Penggunaan : RM500,000.00
- Kadar Keuntungan : 5.0% setahun
- Tempoh Pembayaran : 90 hari
- Jumlah Keuntungan : RM6,164.38
- Amaun Penyelesaian : RM506,164.38

Amaun penyelesaian berjumlah RM506,164.38 mestilah dibayar sepenuhnya pada tempoh matang 90 hari.

#### Kadar Boleh Ubah

Jumlah/ Had Kemudahan	: RM1,000,000.00
Tempoh	: 5 tahun, tertakluk kepada semakan tahunan
Kadar Keuntungan Semasa	: BFR + 1.0% setahun
Kadar Keuntungan Siling	: 11.0% (BFR + 4.0%)
Harga Jualan Bank	: RM1,550,000.00
Tempoh Pembayaran	: Sehingga 90 hari

Pembayaran sekaligus ke atas prinsipal dan keuntungan yang perlu dibayar dikira secara harian berdasarkan kadar keuntungan semasa pada setiap pengeluaran, jumlah kemudahan yang digunakan dan tempoh pembayaran.

- Jumlah Penggunaan : RM500,000.00
- Kadar Keuntungan : 8.0% setahun (berdasarkan BFR + 1.0% pada masa pengeluaran)
- Tempoh Penggunaan : 90 hari
- Jumlah Keuntungan : RM9,863.02
- Amaun Penyelesaian : RM509,863.02

Amaun penyelesaian berjumlah RM509,863.02 mestilah dibayar sepenuhnya pada tempoh matang 90 hari.

## 5. Apakah caj-caj lain yang perlu saya bayar?

### a) Duti Setem:

Seperti mana yang tertakluk di dalam Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989).

### b) Fi Guaman dan Pengeluaran:

Seperti mana Perintah Saran Peguam Cara termasuk fi untuk caj pendaftaran, carian tanah, carian muflis, cukai dan caj lain mengikut skala bayaran yang dikenakan oleh Peguam Cara (jika berkenaan).

### c) Fi Penilaian:

Seperti yang dikenakan oleh Penilai (jika berkenaan).

### d) Fi Dagangan:

Fi dagangan untuk membeli dan menjual komoditi akan dicaj kepada pelanggan sebagai sebahagian daripada fi dan caj. Pelanggan akan membayar fi dagangan sebanyak RM10.00 untuk RM1,000,000.00 atau sebahagian daripadanya untuk setiap transaksi (jika berkenaan).

### e) Lain-lain Fi dan Caj:

Sekiranya kemudahan tersebut memerlukan perlindungan jaminan daripada Syarikat Jaminan Perniagaan Berhad (SJPP) atau Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC), dengan fi jaminan sehingga 1.0% setahun akan dikenakan oleh SJPP atau sehingga 4.0% setahun akan dikenakan oleh CGC, dan ditanggung oleh anda (jika berkenaan).

## 6. Bagaimana jika saya gagal untuk memenuhi tanggungjawab saya?

- Ta'widh (ganti rugi) ke atas Pembayaran Lewat

**Pihak Bank mempunyai hak untuk pampasan atas bayaran lewat dan kemungkiran bayaran berlandaskan mekanisma seperti di bawah:**

### **Sebelum kematangan**

Kerugian sebenar sehingga 1% atas bayaran tertunggak untuk kemudahan dalam tempoh mungkir seperti formula berikut:

$$\text{Tunggakan Ansuran} \times 1\%^* \times \text{Bil. Hari Tertunggak} / 365$$

### **Selepas kematangan**

Bank akan mengutip caj ganti rugi dari tarikh kematangan hingga tarikh pembayaran atas kerugian sebenar sehingga kadar semasa IIMM ke atas baki belum jelas, seperti formula berikut:

$$\text{Baki Belum Jelas} \times \text{IIMM}\%^* \times \text{Bil. Hari Tertunggak} / 365$$

### **Selepas Penghakiman**

Mahkamah boleh mengenakan caj pembayaran lewat atas hutang penghakiman, selepas penghakiman tersebut. Formula untuk caj pembayaran lewat selepas penghakiman seperti berikut:

$$\text{Jumlah Penghakiman} \times \text{IIMM}\%^* \times \text{Bil. Hari Tertunggak} / 365$$

Nota:

- i. IIMM = Pasaran Kewangan Islam Antara-bank (Islamic Interbank Money Market)
  - ii. Ganti rugi ke atas pembayaran lewat tidak akan dikompaun kepada baki pembiayaan pokok atau melalui kaedah lain yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia
  - iii. \*Bank boleh mengenakan kos sebenar/ kos kerugian yang ditanggung sehingga 1% atau kadar IIMM, yang mana lebih rendah.
- Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda tidak mengendahkan notis peringatan kami dan anda akan menanggung kesemua kos sekiranya tindakan undang-undang dikuatkuasakan. Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan setelah cagaran dilupuskan.

Untuk contoh ilustrasi mengenai penggunaan Ta'widh, sila rujuk laman web kami di [www.smebank.com.my](http://www.smebank.com.my).

## 7. Bagaimana jika saya melangsaikean pembiayaan ini sebelum tamat tempoh?

Selaras dengan Garis Panduan BNM mengenai Ibra' (rebate) untuk Pembiayaan Berasaskan Jualan, Ibra' akan diberikan untuk penyelesaian awal sebelum berakhirnya tempoh pembiayaan. Penyelesaian sebelum akhir tempoh pembiayaan hendaklah termasuk, tetapi tidak terhad kepada, situasi berikut:

- Penyelesaian awal atau penebusan awal, termasuk pembayaran terdahulu;
- Penyelesaian kontrak pembiayaan asal disebabkan oleh penstrukturkan semula pembiayaan;
- Penyelesaian sekiranya berlaku kegagalan pembayaran; dan
- Penyelesaian sekiranya berlaku penamat atau pembatalan pembiayaan sebelum tarikh matang.

Bagi pembiayaan kadar boleh ubah, Bank hendaklah memberikan Ibra' atas perbezaan antara CPR dan kadar keuntungan semasa.

Formula pengiraan Ibra':

$$\text{Ibra'} (\text{Rebat}) = \text{Keuntungan Belum Diperolehi} - \text{Caj Penyelesaian Awal (jika ada)}$$

Untuk contoh ilustrasi mengenai penggunaan Ibra' dan formula jumlah penyelesaian, sila rujuk laman web kami di [www.smebank.com.my](http://www.smebank.com.my).

## 8. Adakah saya perlu menyediakan cagaran atau penjamin?

Pihak Bank akan menilai keperluan untuk cagaran dan/ atau penjamin dan akan memaklumkan kepada anda sebelum kami memberikan kemudahan pembiayaan tersebut.

## 9. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?

Anda boleh mengekalkan polisi Takaful ke atas semua risiko berkenaan kemudahan perbankan anda.

#### **10. Apakah risiko-risiko utama?**

- Sekiranya terdapat pengurangan dalam kadar BFR Bank, anda tidak akan menikmati sebarang pengurangan dalam kadar keuntungan yang telah dipersetujui sebaik sahaja pembiayaan telah dikeluarkan/ digunakan.
- Jika anda gagal untuk menjelaskan pembayaran, Bank boleh melaksanakan haknya dan memulakan proses pemulihan termasuk tindakan undang-undang.
- Jika anda menghadapi masalah untuk memenuhi kewajipan pembiayaan anda, sila hubungi kami lebih awal untuk membincangkan kemungkinan alternatif pembayaran.

#### **11. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada nombor telefon dan alamat saya?**

Adalah penting untuk anda memberitahu kami tentang sebarang perubahan pada nombor telefon dan alamat anda untuk memastikan bahawa segala surat menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

#### **12. Di mana saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?**

- Sekiranya anda menghadapi kesukaran dalam membuat pembayaran, anda haruslah menghubungi kami dengan segera untuk membincangkan alternatif pembayaran. Anda boleh menghubungi kami di:

Pengurusan Perkhidmatan Pelanggan: 03-2603 7700

Laman web: [www.smebank.com.my](http://www.smebank.com.my)

- Sekiranya anda ingin membuat aduan terhadap produk dan perkhidmatan yang diberikan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di talian 03-2603 7700 atau emel kami di [customercare@smebank.com.my](mailto:customercare@smebank.com.my) atau hantar surat anda ke:

Pengurusan Perkhidmatan Pelanggan  
SME Bank, Aras 10, Menara SME Bank,  
Jalan Sultan Ismail,  
50250 Kuala Lumpur.

- Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak dapat diselesaikan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Block D, Bank Negara Malaysia  
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur  
Tel: 1-300-88-5465  
Fax: 03-21741515  
E-mail: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

#### **13. Di mana saya boleh mendapatkan informasi yang selanjutnya?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk ini, sila rujuk risalah produk yang terdapat di cawangan kami yang berhampiran atau layari laman sesawang kami di [www.smebank.com.my](http://www.smebank.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di talian 03-2603 7700.

Untuk maklumat lanjut dalam mendapatkan pembiayaan, sila rujuk risalah *banking info* yang terdapat di kesemua cawangan kami dan juga laman web [www.bankinginfo.com.my](http://www.bankinginfo.com.my)

#### **14. Lain-lain pakej pembiayaan yang ditawarkan?**

Kami juga menyediakan pembiayaan/ pembiayaan semula aset, pembiayaan modal kerja, pembiayaan kontrak, pembiayaan ekuiti dan lain-lain program pembiayaan khusus.

**NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANSURAN PEMBIAYAAN ANDA TIDAK DIBAYAR SEGERA PADA TARikh MATANG**

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan produk ini adalah sah pada